

21/10/2000

Debat Pemuda Umno-Pas diharap beri manfaat

RANCANGAN hendak mengadakan perdebatan Pergerakan Pemuda Umno dengan Pemuda Pas menimbulkan polimik antara mereka yang bersetuju dengan perdebatan itu di satu pihak dan mereka yang tidak menyetujui perdebatan itu. Mereka yang menyokong perdebatan itu diadakan termasuklah Presiden Umno sendiri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Beliau menyatakan bahawa majlis itu akan memberi manfaat dalam erti kata menjelaskan lagi hak-hak rakyat Bumiputera di negara ini tetapi beliau mengingatkan bahawa Pas akan menggunakan majlis itu untuk muslihatnya sendiri iaitu memburukkan Umno. Datuk Dr Rais Yatim sebaliknya berasa sangsi bahawa perdebatan itu akan dapat dikawal. Beliau bimbang perdebatan itu akan mencetuskan aspek sensitif berhubung masalah hak istimewa orang Melayu.

Sebenarnya perdebatan itu, kalau diselenggarakan secara teratur dan bersopan tanpa diselitkan dengan unsur-unsur politik kepartian, boleh menjelaskan masalah hak istimewa orang Melayu. Walaupun hak orang Melayu terjamin dalam Perlembagaan, hakikat ini masih tidak difahami dengan jelas oleh pihak tertentu, apa lagi, oleh generasi muda sekarang. Walaupun hak istimewa Melayu terjamin dalam Perlembagaan berikutan permuafakatan bersama oleh orang Melayu dan kaum lain, malangnya ia masih menjadi kesamaran kepada sesetengah pihak bukan Melayu. Bahawa hak keistimewaan orang Melayu adalah satu topik yang sensitif, tidaklah dapat dinafikan. Kiranya ia dijadikan satu isu oleh kaum lain, maka sudah tentu ia akan menimbulkan kekeliruan, malah salah faham di kalangan masyarakat.

Saya sendiri berpendapat bahawa majlis perdebatan itu tidaklah dapat dikatakan sebagai satu usaha yang sia-sia. Hanya yang saya agak sangsi, sebagaimana kata Dr Rais, bahawa perdebatan itu mungkin tidak dapat dikawal hingga menjadi satu isu yang sensitif. Kemungkinan ini tidak boleh diperkecil kerana ia diselenggarakan oleh dua parti politik yang saling bertentangan ideologi dan pendirian dalam banyak hal.

Pendirian kedua-dua parti ini dalam soal berkenaan sebenarnya menjadi rahsia umum dalam erti kata bahawa kita sedia maklum mengenai pendirian Umno dan Pas dalam soal itu. Kita dapat menduga misalnya garis pembelaan Umno terhadap hak istimewa orang Melayu. Dengan adanya hak istimewa orang Melayu inilah maka bangsa Melayu, malah negara mencapai tahap kemajuan ekonomi dan politik seperti yang kita nikmati sekarang.

Mengenai pendirian Pas pula, pemimpin parti itu sejak dulu lagi berpendirian bahawa kerajaan Pas tidak memerlukan hak istimewa orang Melayu kerana Pas menjalankan dasar yang berlandaskan agama Islam iaitu berdiri atas keadilan untuk seluruh rakyat. Pas menganggap hak istimewa orang Melayu hanya menguntungkan segelintir rakyat. Itu pun golongan yang berkuasa. Pas mendakwa bahawa Umno menjalankan dasar diskriminasi manakala mengagih-agihkan manfaat kepada rakyat iaitu memilih bulu berdasarkan pertimbangan politik.

Tidak hanya Pas yang mengkritik pelaksanaan dari hak istimewa orang Melayu tetapi juga sesetengah cendekiawan Melayu sendiri yang menyesali bahawa hak istimewa orang Melayu dalam bidang ekonomi melahirkan golongan Ali Baba. Tidak dinafikan bahawa perlaksanaan dasar memberi keutamaan kepada Bumiputera, sebanyak sedikit, mempunyai kecacatannya. Tetapi secara keseluruhannya dasar itu melahirkan golongan menengah dan golongan usahawan Melayu yang kini menjadi teras bangsa. Ia melahirkan satu golongan kelas menengah iaitu golongan profesional Melayu yang walaupun masih kecil dibandingkan dengan golongan menengah kaum lain, namun

mempunyai kemampuan bersaing dengan golongan profesional kaum lain. Tanpa golongan menengah, masalah sosial dan ekonomi dan juga politik akan lebih rumit lagi.

Dalam masa kegawatan ekonomi di Indonesia, ketiadaan satu kelas menengah pribumi adalah satu faktor kegawatan politik di negara itu. Sebaliknya di Malaysia, adanya golongan menengah Melayu, Cina dan India memberikan kekuatan tenaga kepada negara untuk menghadapi dan mengatasi masalah kegawatan ekonomi. Adakah majlis perbahasan Pemuda Umno dan Pemuda Pas yang bakal diadakan sebelum bulan puasa ini akan memberi manfaat dalam erti kata ia akan membawa pengertian baru kepada isu berkenaan, satu hal yang tidak dapat kita pastikan sekarang. Kalau masalah itu disoroti dari segi politik semata-mata, barangkali ia akan lebih banyak menimbulkan kekeliruan kepada umum.

Agak sukar untuk kedua-dua pihak mengesampingkan unsur-unsur politik daripada perdebatan itu kerana masing-masing sedia mempunyai pendiriannya sendiri dalam soal berkenaan. Barangkali sukar untuk kita mengharapkan suatu pemikiran atau pendekatan yang baru daripada perdebatan itu. Tetapi kita mengharapkan perdebatan itu mudah-mudahan dapat memberi manfaat kepada umum.

(END)